


# Transformasi Masjid

## dalam Pembangunan Komuniti Muslim di Amerika Syarikat

**M**asjid memainkan peranan yang sangat signifikan dalam kehidupan masyarakat Islam. Sebagai pusat ibadat, masjid mengukuhkan perpaduan ummah melalui solat jemaah yang menjadi lambang kesatuan dan ketakwaan. Masjid menjadi ruang yang menyatukan umat Islam dalam pelbagai aktiviti sosial dan program komuniti, sekali gus sebagai nadi yang membentuk jati diri Islam dalam kehidupan seharian.

Pengalaman sabatikal di Amerika Syarikat membuka mata penulis tentang transformasi fungsi masjid sebagai institusi yang bukan sekadar tempat ibadat, malah menjadi institusi utama dalam pembangunan masyarakat Muslim. Peranannya semakin meluas sebagai pusat komuniti yang komprehensif bagi memenuhi pelbagai aspek kehidupan umat Islam. Masjid kini merupakan pusat sehati yang berperanan penting memperkukuh aspek spiritual, intelektual dan sosial komuniti Muslim di negara "Uncle Sam" tersebut.

Transformasi masjid di Amerika Syarikat berkaitan rapat dengan keperluan komuniti yang pelbagai, perubahan sosiopolitik, serta peranan masjid sebag



Masjid East Plano Islamic Centre (EPIC) di Dallas, Texas.

pusat perpaduan dan pembangunan ummah. Masjid East Plano Islamic Centre (EPIC) di Dallas, Texas; Memphis Islamic Center di Tennessee; Muslim Community Association (MCA) di Santa Clara, California; dan Noor Islamic Cultural Centre di Columbus, Ohio merupakan antara masjid terkemuka yang mencerminkan transformasi tersebut.

Masjid moden di Amerika Syarikat tidak hanya memfokuskan aspek ibadat malah lebih daripada itu, turut menyediakan pelbagai kemudahan untuk perkembangan diri secara menyeluruh. Contohnya, Memphis Islamic Center memanfaatkan lokasi yang indah di tepi tasik untuk menggalakkan jemaah menghargai keindahan ciptaan Allah SWT. Ruangan luar yang hijau bukan sahaja menghadirkan suasana

tenang dan selesa untuk beribadat, tetapi juga menjadi tempat untuk menginsafi diri akan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi.

Masjid yang mengalami transformasi di Amerika Syarikat dilengkapi pelbagai kemudahan termasuklah dewan serba guna, kelas pendidikan Islam dan kawasan riadah. Di Masjid EPIC, misalnya, terdapat program pendidikan yang meliputi sekolah Ahad dan kelas hafazan al-Quran untuk semua peringkat umur. Hal ini secara tidak langsung membantu melahirkan generasi muda berpengetahuan yang memahami nilai Islam serta tanggungjawab terhadap masyarakat.

Masjid tersebut juga berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan komuniti Muslim dengan masyarakat yang lain. Program dialog antara agama dan hari terbuka sering dianjurkan yang membolehkan masyarakat bukan Islam mengenali Islam secara lebih dekat. Menerusi inisiatif ini, masjid terbukti sangat berkesan dalam usaha mempromosikan pemahaman dan toleransi dalam kalangan masyarakat. Selain itu,

masjid tersebut juga menganjurkan pelbagai aktiviti sosial seperti majlis buka puasa pada Ramadan dan sambutan hari raya yang dapat memperkukuh ikatan persaudaraan di samping menanam semangat kekitaan dalam kalangan umat Islam yang merupakan penduduk minoriti di Amerika Syarikat.

Walaupun masjid di Amerika Syarikat kini dilihat berfungsi sebagai pusat aktiviti sosial, fungsi utamanya tetap sebagai tempat ibadat. Di masjid, umat Islam dapat melaksanakan ibadat dengan selesa termasuklah solat lima waktu dan solat Jumaat. Masjid menyediakan ruang kondusif untuk pelaksanaan ibadat serta program keagamaan seperti pengajian al-Quran dan ceramah agama yang membantu meningkatkan pemahaman tentang Islam.


Seperti masjid di negara yang lain, masjid di Amerika Syarikat juga berperanan penting dari aspek pendidikan. Program sekolah Ahad dan pelbagai kursus ditawarkan untuk semua peringkat umur yang secara tidak langsung dapat mewujudkan generasi muda yang berpengetahuan agama. Selain itu, sebahagian daripada masjid tersebut juga menyediakan ruang riadah seperti gimnasium dan padang permainan yang menggalakkan aktiviti fizikal dan interaksi sosial dalam kalangan jemaah.

Khalayak pembaca pasti tertanya-tanya, bagaimanakah masjid di Amerika Syarikat memperoleh dana untuk melaksanakan pelbagai program? Sebenarnya, terdapat pelbagai kaedah dan langkah yang diambil oleh masjid di negara tersebut untuk



Penulis di hadapan Muslim Community Association (MCA), Santa Clara, California.

mendapatkan dana demi kelangsungan operasi masjid. Sebagai contoh, Masjid EPIC memperoleh dana menerusi sumbangan orang awam, khususnya daripada jemaah. Pada kebiasaannya, jemaah memberikan sumbangan secara sukarela ketika solat Jumaat atau acara khusus ketika Ramadan. Sumbangan ini digunakan sebaik-baik mungkin untuk menampung



Noor Islamic Cultural Centre, Columbus, Ohio

perbelanjaan operasi harian masjid termasuklah penyelenggaraan bangunan dan gaji kakitangan.

Masjid EPIC juga sering menganjurkan acara penajanaan dana seperti makan malam amal, lelongan barangan dan program komuniti yang lain. Acara ini bukan hanya bertujuan untuk mengumpulkan dana malah memperkukuh ikatan sosial dalam kalangan komuniti Muslim. Di samping itu, Masjid EPIC mengenakan yuran untuk program pendidikan dan kelas agama yang ditawarkan termasuklah sekolah Ahad, program hafazan dan kursus yang berkaitan dengan Islam. Masjid EPIC turut memperoleh pendapatan menerusi penyewaan ruang dewan untuk acara seperti perkahwinan dan seminar selain menerima derma daripada organisasi luar atau individu yang ingin menyokong aktiviti masjid. Hasil daripada aktiviti penajanaan kewangan tersebut, Masjid EPIC dapat melaksanakan pelbagai program bermanfaat untuk komuniti Muslim serta masyarakat di sekitarnya.

Transformasi masjid di Amerika Syarikat mencerminkan keupayaan institusi Islam tersebut untuk berkembang seiring dengan cabaran zaman. Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang memenuhi keperluan spiritual, intelektual, fizikal serta sosial membuktikan bahawa

masjid merupakan institusi yang sentiasa relevan dan dinamik dalam konteks masyarakat majmuk di Amerika Syarikat. Peranan sebagai pusat sehenti komuniti bukan sahaja memperkukuh identiti Islam malah menjadikan masjid sebagai platform utama ya dapat membantu umat Islam menyesuaikan diri deng kehidupan dalam persekitaran yang asing tanpa mengorbankan nilai teras agama. 🕌



Memphis Islamic Centre, Tennessee